NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 50
No. 26

**28hb Disember 2006**

*TAMBAHAN*
*No. 1*

AKTA EKSAIS 1976
[Akta 176]

EXCISE ACT 1976
[Act 176]

**No. 896.**

NOTIS MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS

NOTICE OF EXCISE LICENSING BOARD MEETING

Notis adalah diberi bahawa mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais, Melaka Tengah, Negeri Melaka bagi liquor yang memabukkan akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah Melaka Tengah pada masa dan tarikh yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual.

2. Semua permohonan untuk lesen baru, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi tempoh lesen yang dinyatakan dalam ruang (2) dan untuk menukar alamat hendaklah dibuat dalam Borang "Eksais 27" yang ditetapkan (dalam empat salinan) dan hendaklah dihantar kepada Pengerusi, Lembaga Pelesenan Eksais, Melaka Tengah di alamat, Aras 1, Wisma Negeri, Jalan Wisma Negeri, Kompleks MITC, 75450 Ayer Keroh, Melaka, tidak lewat daripada tarikh tutup permohonan yang dinyatakan dalam ruang (3). Mana-mana orang yang mengemukakan permohonan lewat akan didenda.

3. Semua permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon itu sendiri melalui cara yang berikut:

(a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan atau tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh dua minggu sebelum mesyuarat diadakan; dan

(b) dengan mengiklankan permohonan itu dalam dua akhbar tempatan, satu dalam bahasa kebangsaan dan satu dalam apa-apa bahasa lain, selama dua hari berturut-turut dalam tempoh yang disebut dalam perenggan (a) dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah Melaka Tengah.

JADUAL

| (1) Masa dan Tarikh Mesyuarat | (2) Tempoh Lesen | (3) Tarikh Tutup Permohonan |
|---|---|---|
| 2.30 petang 23 Januari 2007 | 1 Januari 2007 hingga 31 Disember 2007 | 5 Januari 2007 |
| 2.30 petang 27 Mac 2007 | 1 April 2007 hingga 31 Disember 2007 | 5 Mac 2007 |
| 2.30 petang 26 Jun 2007 | 1 Julai 2006 hingga 31 Disember 2007 | 6 Jun 2007 |
| 2.30 petang 25 September 2007 | 1 Oktober 2007 hingga 31 Disember 2007 | 6 September 2007 |

Bertarikh 19 Disember 2006
[PDMT 4/1-1 Jld. VII; PUN(M) 353/02/PDTMT/2/2006]

ABD KADIR BIN YAAKUP
*Pengerusi*
*Lembaga Pelesenan Eksais*
*Melaka Tengah*

Notice is given that the meeting of the Excise Licensing Board for the District of Melaka Tengah, in the State of Malacca for intoxicating liquor will be held at the Meeting Room, District Office, Melaka Tengah at the time on the date specified in column (1) of the Schedule.

2. All applications for new licences, renewal or transfer of licences for the licence period specified in column (2) and for a change of address must be made in the prescribed Form “Excise 27” (in quadruplicate) and shall be submitted to the Chairman, Excise Licensing Board, District of Melaka Tengah whose address is at Level 1, Wisma Negeri, Jalan Wisma Negeri, Kompleks MITC, 75450 Ayer Keroh, Malacca, not later than the closing dates of applications specified in column (3). A fine will be imposed on any person submitting late applications.

3. All applications for new licences must be advertised at the applicant’s own expense in the following manner:

(a) by displaying a copy of the application at the building or place where the business is to be carried on within a period of two weeks before the meeting takes place; and

(b) by advertising the application in two local newspapers, one in the national language and one in any other languages, for two consecutive days within the period mentioned in paragraph (a) and the cuttings of the advertisement shall be submitted to the District Office Melaka Tengah.

SCHEDULE

| (1) Time and Date of Meeting | (2) Duration of the Licence | (3) Closing Date of Application |
|---|---|---|
| 2.30 p.m. 23 January 2007 | 1 January 2007 to 31 December 2007 | 5 January 2007 |
| 2.30 p.m. 27 March 2007 | 1 April 2007 to 31 December 2007 | 5 March 2007 |
| 2.30 p.m. 26 June 2007 | 1 July 2007 to 31 December 2007 | 6 June 2007 |
| 2.30 p.m. 25 September 2007 | 1 October 2007 to 31 December 2007 | 6 September 2007 |

Dated 19 December 2006
[PDMT 4/1-1 Jld. VII; PUN(M) 353/02/PDTMT/2/2006]

ABD KADIR BIN YAAKUP
*Chairman*
*Excise Licensing Board*
*Central Malacca*

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(Act 171)

**No. 897.**

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(2)

NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 4(2)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri, setelah berunding dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Majlis Daerah Jasin, dengan ini menukar dan memberi taraf Perbandaran kepada Majlis Daerah Jasin berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007 (selepas ini disebut "tarikh kuat kuasa") dan mulai tarikh kuat kuasa itu hendaklah digelar Majlis Perbandaran Jasin.

**Sebutan**

2. Pada tarikh kuat kuasa segala sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam apa-apa surat cara, surat ikatan, hakmilik, dokumen, bon, perjanjian dan perkiraan pengusahaan yang wujud sebaik sebelum tarikh kuat kuasa—

(a) tentang Majlis Daerah Jasin hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Majlis Perbandaran Jasin atau *Jasin Municipal Council*;

(b) tentang Ahli-Ahli Majlis Daerah Jasin (sebagai suatu perbadanan) hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan tentang Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Jasin;

(c) tentang Ahli atau Ahli-Ahli Majlis Daerah Jasin hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Ahli atau Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Jasin; dan

(d) tentang Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Majlis Daerah Jasin hendaklah masing-masing ditafsirkan sebagai sebutan tentang Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Jasin.

**Hak, dsb. dan kesahan tidak disentuh**

3. Pertukaran status dan perubahan nama daripada Majlis Daerah Jasin kepada Majlis Perbandaran Jasin tidaklah menyentuh—

(a) hak, kuasa, kewajipan, obligasi, tanggungan atau keistimewaan Yang Dipertua Majlis Daerah Jasin atau mana-mana orang lain yang dilantik atau dinamakan dengan sah, yang memegang jawatan sebaik sebelum tarikh kuat kuasa hendaklah pada tarikh kuat kuasa, masing-masing sebagai Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Jasin atau jawatan-jawatan yang lain, mempunyai dan menjalankan semua hak, kuasa, kewajipan, obligasi, tanggungan atau keistimewaan yang dahulunya berkaitan dengan mana-mana jawatan tersebut di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 sebagaimana yang terpakai bagi Majlis Daerah Jasin atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain dan mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya atau undang-undang kecil yang terpakai bagi Majlis Daerah Jasin di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 seolah-olah Pemberitahuan ini tidak dibuat; dan

(b) kesahan atau kesan apa-apa tindakan, prosiding, pemindahakan, pemindahan, surat ikatan, transaksi, dokumen, bon, perjanjian, perkiraan pengusahaan atau apa-apa perbuatan lain yang diambil, dibuat atau dilakukan secara *bona fide* sebaik sebelum tarikh kuat kuasa oleh atau terhadap atau atas nama atau bagi pihak Majlis Daerah Jasin.

**Prosiding undang-undang hendaklah diteruskan atas nama Majlis Perbandaran**

4. Pertukaran status dan perubahan nama daripada Majlis Daerah Jasin kepada Majlis Perbandaran Jasin tidaklah menyentuh dan menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap Majlis Daerah Jasin dan prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Majlis Daerah Jasin sebelum tarikh kuat kuasa boleh diteruskan atau dimulakan atas nama Majlis Perbandaran Jasin.

**Tanggungan boleh dikuatkuasakan terhadap Majlis Perbandaran**

5. Segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh atau bagi pihak atau bagi maksud Majlis Daerah Jasin boleh, pada tarikh kuat kuasa, dilaksanakan terhadap Majlis Perbandaran Jasin.

**Peletakhakan tanah, harta dan aset pada Majlis Perbandaran**

6. Segala tanah, harta dan aset yang sebaik sebelum tarikh kuat kuasa terletakhak pada atau dirizabkan bagi Majlis Daerah Jasin atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya hendaklah, pada tarikh kuat kuasa, terletakhak pada atau dirizabkan bagi Majlis Perbandaran Jasin atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya tanpa apa-apa jua pemindahhakan, penyerahhakan, atau pemindahan.

Bertarikh 18 Disember 2006
[MDJ. 10/59 Bhg. 3; PUN(M)353/02/MDJ/1/2006]

MOHD. ZIN BIN MANSOR
*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*
*Melaka*

In exercise of the powers conferred by subsection 4(2) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the State Authority, in consultation with the Minister of Housing and Local Government and the District Council of Jasin, changes and confers the status of a Municipality to the District Council of Jasin with effect from 1 January 2007 (hereinafter referred to as “the effective date”) and it shall commencing from such effective date be styled as the Jasin Municipal Council.

**References**

2. On the effective date all references in any written law or in any instrument, deed, title, document, bond, agreement and working arrangement subsisting immediately before the effective date—

(a) to the District Council of Jasin shall be construed as references to the *Majlis Perbandaran Jasin* or the Jasin Municipal Council;

(b) to the Councillors of the District Council of Jasin ( as a corporation) shall be construed as references to the Councillors of the Jasin Municipal Council;

(c) to the Councillor or Councillors of the District Council of Jasin shall be construed as references to the Councillor or Councillors of the Jasin Municipal Council; and

(d) to the President or the Deputy President of the District Council of Jasin shall be construed as references to the President or the Deputy President of the Jasin Municipal Council respectively.

**Rights, etc. and validity not affected**

3. The change of status and change of name from the District Council of Jasin to the Jasin Municipal Council shall not affect—

(a) the rights, powers, duties, obligations, liabilities or privileges of the President of the District Council of Jasin or any other persons lawfully appointed or nominated, immediately before the effective date, holding office, who shall on the effective date, as President of Jasin Municipal Council or other offices respectively, have and exercise all the rights, powers, duties, obligations, liabilities or privileges formerly appertaining to any such office under the Local Government Act 1976 as applied to the District Council of Jasin or any other written law and by-laws made thereunder or by-laws applied to the District Council of Jasin under the Local Government Act 1976 as if this notification had not been made; and

(b) the validity or effect of any action, proceedings, conveyance, transfer, deed, transaction, document, bond, agreement, working arrangement or any act of any kind *bona fide* taken, entered into or done immediately before the effective date by or against or in the name or on behalf of the District Council of Jasin.

**Legal proceedings to be continued in the name of the Jasin Municipal Council**

4. The change of status and change of name from the District Council of Jasin to the Jasin Municipal Council shall not affect and render defective any legal proceedings by or against the District Council of Jasin and legal proceedings that could have been continued or commenced by or against the District Council of Jasin prior to the effective date may be continued or commenced in the name of the Jasin Municipal Council.

**Liabilities enforceable against the Municipal Council**

5. All existing liabilities incurred by or on behalf of or for the purposes of the District Council of Jasin may, on the effective date, be enforced against the Jasin Municipal Council.

**Vesting of lands, property and assets in the Municipal Council**

6. All lands, property and assets that immediately before the effective date were vested in or reserved for the District Council of Jasin or any person acting on its behalf shall, on the effective date, vest in or be reserved for the Jasin Municipal Council or any person acting on its behalf without any conveyance, assignment, or transfer whatsoever.

Dated 18 December 2006
[MDJ. 10/59 Bhg. 3; PUN(M)353/02/MDJ/1/2006]

MOHD. ZIN BIN MANSOR
*Secretary*
*State Executive Council*
*Malacca*

**No. 898.**

ENAKMEN PEMULIHARAAN DAN PEMUGARAN
WARISAN BUDAYA 1988

PRESERVATION AND CONSERVATION OF CULTURAL
HERITAGE ENACTMENT 1988

PERISYTIHARAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 4(1)

DECLARATION UNDER SUBSECTION 4(1)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pemuliharaan dan Pemugaran Warisan Budaya 1988 [*Enakmen No. 6 Tahun 1988*], Pihak Berkuasa Negeri, atas syor Perbadanan Muzium Melaka dan nasihat Jawatankuasa Pemuliharaan dan Pemugaran membuat perisytiharan yang berikut:

(a) bangunan di jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama yang terletak di atas tanah yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) masing-masing sebagai kawasan Zon Penempatan Lama;

(b) bangunan di jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua yang terletak di kawasan yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) masing-masing sebagai kawasan Zon Perniagaan Lama;

(c) bangunan di jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Ketiga yang terletak di kawasan yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) masing-masing sebagai Bangunan Warisan;

(d) zon laluan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Keempat yang terletak di kawasan yang dinyatakan dalam ruang (2) dan (3) masing-masing sebagai Zon Laluan Warisan.

**Pemuliharaan dan Pemugaran**

2. Bangunan dan zon laluan yang diisytiharkan dalam peruntukan terdahulu adalah tertakluk kepada pemuliharaan atau pemugaran.

JADUAL PERTAMA

ZON PENEMPATAN LAMA

| | (1) Nama | (2) Daerah | (3) Mukim |
|---|---|---|---|
| 1. | Jalan Tengkera (sehingga simpang Jalan Gajah Berang) | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIV |
| 2. | Jalan Tukang Besi– Jalan Tukang Emas– Jalan Tokong | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XI, XVI, XIV |

| | (1) Nama | (2) Daerah | (3) Mukim |
|---|---|---|---|
| 3. | Jalan Kampung Pantei–Lorong Jambatan | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIV |
| 4. | Lorong Hang Jebat | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIII, XV |
| 5. | Jalan Hang Kasturi | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIII, XV |
| 6. | Jalan Hang Lekiu–Jalan Hang Lekir | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIII, XV |
| 7. | Jalan Kubu | Melaka Tengah | Kawasan Bandar VII, IX |
| 8. | Jalan Portugis–Jalan Masjid Kampung Hulu | Melaka Tengah | Kawasan Bandar IX, X, XI |
| 9. | Jalan Kampung Kuli | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIV |
| 10. | Jalan Gereja–Lorong Gereja | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXIV |

JADUAL KEDUA

ZON PERNIAGAAN LAMA

| | (1) Nama | (2) Daerah | (3) Mukim |
|---|---|---|---|
| 1. | Jalan Munsyi Abdullah | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXI |
| | Jalan Bunga Raya | Melaka Tengah | Kawasan Bandar IX, XX |
| 2. | Jalan Kee Ann | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIX |
| 3. | Jalan Kampung Jawa | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIX |
| 4. | Jalan Bendahara | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XX, XXI |
| 5. | Jalan Temenggung | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXI, XXIII, XXIV, XXV |
| 6. | Jalan Bukit China | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXI, XXIII, XXV |
| 7. | Lorong Bukit China | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXIII, XXIV |
| 8. | Jalan Pasar Baru | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIX |
| 9. | Jalan Masjid–Lorong Masjid | Melaka Tengah | Kawasan Bandar X |

JADUAL KETIGA

BANGUNAN WARISAN

| | (1) Nama | (2) Daerah | (3) Mukim |
|---|---|---|---|
| 1. | Jalan Laksamana | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXIV |
| 2. | Jalan Banda Kaba | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXIV |
| 3. | Jalan Chan Koon Cheng | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXIV, XXVII |
| 4. | Jalan Kota | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXVI, XXVII |
| 5. | Jalan Merdeka (Jalan Quayside– Jalan Taman) | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXVI, XXVII |
| 6. | Jalan Parameswara (sehingga simpang Jalan Chan Koon Cheng) | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXVII |
| 7. | Masjid Kampung Kling | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIV |
| 8. | Masjid Bukit Darat | Melaka Tengah | Mukim Tanjong Kling |
| 9. | Bangunan Risda | Jasin | Lot P.T. 36 |
| 10. | Madrasah Al-Khairiah | Melaka Tengah | Mukim Ayer Molek |
| 11. | Bangunan Lot 25, Jalan Tengkera, Melaka (Bekas Sacred Heart Chapel) | Melaka Tengah | Kawasan Bandar VI |
| 12. | Bangunan No. 14 Bukit Peringgit, Melaka | Melaka Tengah | Kawasan Bandar Bukit Baru Seksyen V |
| 13. | Bangunan No. 4 Bukit Peringgit, Melaka | Melaka Tengah | Kawasan Bandar Bukit Baru Seksyen V |
| 14. | Bangunan No. 10 Bukit Peringgit, Melaka | Melaka Tengah | Kawasan Bandar Bukit Baru Seksyen V |
| 15. | Bangunan No. 16 Bukit Peringgit, Melaka | Melaka Tengah | Kawasan Bandar Bukit Baru Seksyen V |
| 16. | Bangunan No. 8 Bukit Peringgit, Melaka | Melaka Tengah | Kawasan Bandar Bukit Baru Seksyen V |
| 17. | Bangunan No. 11 Bukit Peringgit, Melaka | Melaka Tengah | Kawasan Bandar Bukit Baru Seksyen V |

JADUAL KEEMPAT

ZON LALUAN WARISAN

| (1) Nama | (2) Daerah | (3) Mukim |
|---|---|---|
| Zon laluan Sungai Melaka (dari Muara sehingga jambatan Hang Jebat– 3.5 km) | Melaka Tengah | Kawasan Bandar X, XIV, XVI, XIX, XXIV, XXVI |

Bertarikh 20 Ogos 2006
[PUN(M) 353/02/BB/1/2006]

MOHD ZIN BIN MANSOR
*Setiausaha*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka*

In exercise of the powers conferred under subsection 4(1) of the Preservation and Conservation of Cultural Heritage Enactment 1988 [*Enactment No. 6 of 1988*], the State Authority, on the recommendation of the Malacca Museums Corporation and advice by the Preservation and Conservation Committee makes the following declaration.

(a) the buildings at the street specified in column (1) of the First Schedule situated in the areas specified in columns (2) and (3) to be the Old Residential Zone respectively;

(b) the buildings at the street specified in column (1) of the Second Schedule situates in the areas specified in column (2) and (3) to be the Old Trade Zone respectively;

(c) the buildings at the street specified in column (1) of the Third Schedule situated in the areas specified in columns (2) and (3) to be the Heritage Buildings respectively;

(d) way zone specified in column (1) of the Fourth Schedule situated in the areas specified in column (2) and (3) to be the Heritage Way Zone respectively.

**Preservation and conservation**

2. The buildings and way zone in respect of which a declaration has been made pursuant to the foregoing provision shall be subject to preservation and conservation.

FIRST SCHEDULE

OLD RESIDENTIAL ZONE

| | (1) Name | (2) District | (3) Mukim |
|---|---|---|---|
| 1. | Tengkera Road (sehingga simpang Jalan Gajah Berang) | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIV |

| | (1) Name | (2) District | (3) Mukim |
|---|---|---|---|
| 2. | Tukang Besi Road–Tukang Emas Road–Tokong Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XI, XVI, XIV |
| 3. | Kampung Pantei Road–Lorong Jambatan | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIV |
| 4. | Lorong Hang Jebat | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIII, XV |
| 5. | Hang Kasturi Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIII, XV |
| 6. | Hang Lekiu Road–Hang Lekir Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIII, XV |
| 7. | Kubu Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar VII, IX |
| 8. | Portugis Road–Masjid Kampung Hulu Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar IX, X, XI |
| 9. | Kampung Kuli Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIV |
| 10. | Gereja Road–Lorong Gereja | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXIV |

## SECOND SCHEDULE

### OLD TRADE ZONE

| | (1) Name | (2) District | (3) Mukim |
|---|---|---|---|
| 1. | Munsyi Abdullah Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXI |
| 2. | Bunga Raya Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar IX, XX |
| 3. | Kee Ann Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIX |
| 4. | Kampung Jawa Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIX |
| 5. | Bendahara Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XX, XXI |
| 6. | Temenggung Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXI, XXIII, XXIV, XXV |
| 7. | Bukit China Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXI, XXIII, XXV |
| 8. | Lorong Bukit China | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXIII, XXIV |
| 9. | Pasar Baru Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIX |
| 10. | Masjid Road–Lorong Masjid | Melaka Tengah | Kawasan Bandar X |

THIRD SCHEDULE

HERITAGE BUILDINGS

| | (1) Name | (2) District | (3) Mukim |
|---|---|---|---|
| 1. | Laksamana Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXIV |
| 2. | Banda Kaba Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXIV |
| 3. | Chan Koon Cheng Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXIV XXVII |
| 4. | Kota Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXVI, XXVII |
| 5. | Merdeka Road (Quayside Road–Taman Road) | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXVI, XXVII |
| 6. | Parameswara Road (until cross road of Chan Koon Cheng Road) | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XXVII |
| 7. | Kampung Kling Mosque | Melaka Tengah | Kawasan Bandar XIV |
| 8. | Bukit Darat Mosque | Melaka Tengah | Mukim Tanjong Kling |
| 9. | Risda Building | Jasin | Lot P.T. 36 |
| 10. | Al-Khairiah Religious School | Melaka Tengan | Mukim Ayer Molek |
| 11. | Lot 25 Building, Tengkera Road | Melaka Tengah | Kawasan Bandar VI |
| 12. | No. 14 Building Bukit Peringgit | Melaka Tengah | Kawasan Bandar Bukit Baru Seksyen V |
| 13. | No. 4 Building Bukit Peringgit | Melaka Tengah | Kawasan Bandar Bukit Baru Seksyen V |
| 14. | No. 10 Building Bukit Peringgit | Melaka Tengah | Kawasan Bandar Bukit Baru Seksyen V |
| 15. | No. 16 Building Bukit Peringgit | Melaka Tengah | Kawasan Bandar Bukit Baru Seksyen V |
| 16. | No. 8 Building Bukit Peringgit | Melaka Tengah | Kawasan Bandar Bukit Baru Seksyen V |
| 17. | No. 11 Building Bukit Peringgit | Melaka Tengah | Kawasan Bandar Bukit Baru Seksyen V |

FOURTH SCHEDULE

HERITAGE WAY ZONE

| (1) Name | (2) District | (3) Mukim |
|---|---|---|
| Way zone Melaka River (from the estuary till Hang Jebat Junction–3.5 km) | Melaka Tengah | Kawasan Bandar X, XIV, XVI, XIX, XXIV, XXVI |

Dated 20 August 2006
[PUN(M) 353/02/BB/1/2006]

MOHD ZIN BIN MANSOR
*Secretary*
*State Executive Council*
*Malacca*

**Hakcipta Pencetak** (H)
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA